PROSIDING PERKEM VI, JILID 1 (2011) 138 – 147
ISSN: 2231-962X

Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Negara: Kes Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia

Wakaf Institutions and National Economic Development: A Case on Wakaf Land Development in Malaysia

Sanep Ahmad (nep@ukm.my)
Nur Diyana bt Muhamed (dyanamir@yahoo.com.my)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor

ABSTRAK

Malaysia mempunyai harta wakaf yang banyak terutamanya tanah dan sekiranya dibangunkan maka ia pasti dapat memberi sumbangan yang positif kepada pembangunan ekonomi umat Islam. Namun, kekurangan dana merupakan satu kekangan utama bagi tujuan pembangunan harta wakaf. Menyedari potensi yang ada maka strategi khusus perlu dibina bagi meningkatkan peranan harta wakaf dalam proses pembangunan. Kajian ini bertujuan menyelidiki apakah langkah yang dilakukan dan dana yang telah disediakan bagi menggerakkan pembangunan tanah wakaf dan seterusnya menilai potensi sumbangannya kepada pembangunan ekonomi umat Islam. Kajian dilakukanan secara diskriptif berdasarkan amalan JAWHAR dan MAIN sebagai dua institusi berwajib mengurus harta wakaf. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dana wakaf telah disediakan dan pengurusan dana ini dilakukan secara professional dan terdapat juga beberapa peruntukah khas untuk wakaf dalam RMK-9, RMK-10 dan bujet 2010. Program khusus seperti pembangunan bazar wakaf untuk rakyat juga telah dilaksanakan bagi memastikan peranan positif institusi wakaf dalam pembangunan ekonomi. Implikasi penting kajian ialah institusi wakaf kini telah diakui kepentingannya dan peruntukan khusus perlu terus dipertingkatkan dari masa kesemasa bagi memastikan peranannya dalam pembangunan ekonomi negara khususnya pembangunan ekonomi umat Islam.

Kata Kunci: Institusi wakaf, agenda pembangunan ekonomi, pembangunan harta wakaf, potensi institusi wakaf.

ABSTRACT

Malaysia possesses a lot of waqf asset especially land and if being develop properly it may contribute positively to the development of Muslim. However, lack of fund was a main constraint for the development of waqf asset. Realizing the potential of waqf then a specific strategy should be developed for enhancing the role of waqf in the development process. This study attempts to examine steps and fund that has been allocated for the development of waqf asset especially land and further evaluatu its potential in developing Muslim's economy. The research is done discriptively based on the practice of JAWHAR and MAIN as two leading institutions responsible for managing waqf assets. The study shows that waqf fund has been allocated and being manage professionally and there were also special allocations for waqf in RMK-9, RMK-10 and 2010 budget. Special programme such as waqf market for the people was also being implemented for insuring the role of waqf institution in economic development. Important implication of this study is that the role of waqf institutionin in economic development is now being recognized and special allocation sholud be contineously increased from time to time for insuring the role of waqf institution in economic development especially the development of Muslim's economy.

Keywords: Waqf institution, economic development agenda, waqf asset development, potential of waqf institution

PENDAHULUAN

Perkataan wakaf dari sudut bahasa berasal daripada perkataan *"Waqafa"* yang bermaksud berhenti, mencegah ataupun menahan. Dari sudut istilah pula, wakaf bererti apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT. Jadi secara umumnya wakaf bermaksud menahan zat sesuatu barang daripada di jual, digadai, dihibahkan serta tidak boleh dipindahkan sebagai warisan demi manfaatnya telah disedekahkan ke jalan Allah. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, wakaf membawa maksud sesuatu yg diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma) atau sesuatu yang diberikan dan diperuntukkan bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam. Menurut Enakmen Wakaf Negeri Selangor pula, wakaf didefinasikan sebagai menyerahkan apa-apa harta yang oleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa jua tujuan kebajikan samada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut hokum syarak (Enakmen No.7 1999, Perkara 2).

Wakaf terbahagi kepada dua jenis iaitu Wakaf Mutlak (wakaf am) dan juga Wakaf Muqayyad (wakaf khas). Wakaf Mutlak merujuk kepada amalan menyerahkan harta wakaf dengan tidak menyatakan tujuan tertentu dalam perwakafan hartanya. Harta tersebut boleh dibangunkan bagi apa jua maksud selagi tidak bertentangan dengan syarak. Berbeza dengan Wakaf Muqayyad yang bermaksud amalan mewakafkan harta di mana pewakaf menyatakan tujuan wakaf secara spesifik semasa mewakafkan harta. Harta wakaf tersebut hendaklah digunakan hanya untuk tujuan yang telah di nyatakan oleh wakif.

Secara dasarnya terdapat dua kategori harta yang boleh diwakafkan iaitu harta tak alih dan harta alih. Pertama ialah harta tak alih yang terdiri daripada tanah dan bangunan. Perwakafan daripada harta tidak alih pada hakikatnya telah dipersetujui oleh kesemua ulama' sebagai perwakafan yang sah dan boleh digunapakai. Kesahan ini adalah didasarkan kepada perwakafan Rasulullah SAW dan para sahabatnya yang menjadikan harta kekal ini *mawquf* mereka. (Siti Mashitoh, 2008). Kategori yang kedua ialah harta alih iaitu seperti buku, sejadah dan juga wang tunai. Secara dasarnya, jenis perwakafan ini adalah tidak sah berdasarkan kepada keperluan syarat kekal dan tidak boleh habis apabila digunakan. Walau bagaimanapun, jumhur ulama' berpendapat bahawa setiap harta yang boleh dijual beli boleh diwakafkan selagi mana manfaatnya boleh dinikmati oleh penerimanya secara berterusan. Berdasarkan kepada amalan wakaf secara tradisional tersebut maka kebanyakan harta wakaf adalah dalam bentuk harta tetap.

Sejarah telah membuktikan bahawa wakaf boleh memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Wakaf juga menjadi alat agihan semula kekayaan bagi mencapai keseimbangan ekonomi sesebuah negara dalam konteks yang menyeluruh melalui penyediaan kemudahan seperti pendidikan, kesihatan, tempat ibadah, kemudahan jalan raya dan sebagainya. Pada peringkat permulaan pentadbiran di Malaysia, tidak terdapat bukti yang jelas berhubung dengan bentuk pengurusan harta wakaf. Berdasarkan pengalaman mereka yang terdahulu, pengurusan harta wakaf terletak di tangan mereka yang mewakafkan harta itu sendiri atau pun di dalam keadaan yang lain, ianya berada di tangan pemimpin masyarakat tempatan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti agama seperti kadi, imam, ketua kampung, penghulu mahupun jawatankuasa masjid. Mereka yang ingin berwakaf biasanya akan mewakafkan hartanya secara lisan dengan disaksikan oleh beberapa individu yang beragama Islam yang amanah. Seterusnya, orang yang dipertanggungjawabkan itu akan melantik pengurus wakaf sama ada dalam bentuk individu mahupun berkumpulan bagi menguruskan harta tersebut.

Pengurusan wakaf pada ketika itu tidak rumit kerana masyarakat akur tentang hukum hakam yang berkaitan dengan wakaf. Harta wakaf diuruskan mengikut jenis wakaf tersebut. Hasil wakaf khas akan digunakan untuk tujuan yang telah ditetapkan manakala harta dan hasil wakaf am akan digunakan untuk kebajikan masyarakat Islam keseluruhannya. Kelemahan kepada sistem pengurusan wakaf cara tradisional ini ialah tidak adanya bukti bertulis berkenaan dengan harta yang di wakafkan itu. Oleh yang demikian akan timbul pelbagai masalah seperti harta wakaf yang tidak didaftarkan dan masih kekal di atas nama pewakaf. Akibatnya, jika berlaku kematian pewakaf maka harta wakaf tersebut tidak diketahui oleh pihak lain akan statusnya menyebabkan tanah tersebut kadang-kadang dituntut semula oleh waris.

Kewujudan institusi wakaf di lihat sangat membantu serta memberi manfaat kepada masyarakat umum. Ini kerana institusi wakaf dapat menjalankan kewajipan terhadap harta wakaf secara formal dengan lebih praktikal dan berdaya maju. Ramai yang tidak tahu mengenai kewujudan institusi wakaf ini dan menyangka bahawa wakaf mesti diurus oleh institusi agama dan dimanfaatkan secara traditional. Masyarakat umumnya masih beranggapan bahawa harta wakaf misalnya tanah hanya untuk didirikan masjid, sekolah serta yang seumpama dengannya. Oleh itu institusi wakaf dianggap tidak penting dan gagal

berperanan dalam pembangunan ekonomi umat Islam sedangkan pada zaman awal Islam, institusi wakaf amat berperanan dalam pembangunan Negara Islam. Bagaimanakah dalam zaman modern ini institusi wakaf boleh memainkan peranan dengan menginovasikan kaedah baru bagi membangun harta wakaf agar dapat dimanfaatkan oleh orang ramai?

Wakaf yang berbentuk tanah dan bangunan selama ini telah begitu banyak diterima menyebabkan ianya terbiar dan tidak dapat diusahakan akibat daripada masalah pengurusan dan kekurangan dana. Selain daripada itu, masalah yang di hadapi dalam membangunkan harta wakaf antaranya ialah kebanyakan tanah wakaf berada di kawasan yang kurang maju dan susah untuk di bangunkan seperti terletak di pedalaman ataupun tanah paya yang tidak sesuai didirikan bangunan dan memerlukan kos yang tinggi untuk dibangunkan. Memandangkan kebanyakan wakaf adalah bersifat harta tetap maka masalah timbul untuk memperoleh sumber pembiayaan bagi pembangunan harta wakaf tersebut. Sekiranya hasil yang dijana daripada harta wakaf yang ada tidak mencukupi maka pemerintah/kerajaan tentunya boleh memberi peruntkan khas untuk pembangunan harta wakaf. Adakah peruntukan seperti ini telah disediakan?

Berdasarkan permasalahan dinyatakan kajian ini cuba meneliti ketersediaan dan potensi harta wakaf sedia ada untuk dibangunkan, menilai usaha yang telah dijalankan untuk mengumpul dana untuk pembangunan harta wakaf dan seterusnya menyelidiki setakat mana peruntukan khusus yang telah disediakan untuk pembangunan wakaf dibawah RMK.

KAJIAN LEPAS

Kajian telah dijalankan oleh banyak pihak bagi mengkaji masalah dari segi pengurusan harta wakaf. Kajian-kajian terdahulu dilihat sebagai telah berjaya membantu pihak yang berwajib dalam meningkatkan kecekapan pengurusan serta merancakkan lagi aktiviti pembangunan harta wakaf. Secara tidak langsung, kajian dan penyelidikan tersebut telah dapat membantu negara dalam mengenalpasti masalah dan cara penyelesaiannya untuk membangunkan harta wakaf.

Di Malaysia terdapat beribu ekar tanah wakaf yang tidak aktif. Ini berlaku disebabkan oleh layanan tidak sama rata oleh undang-undang dan kuasa pasaran di dalam pasaran hartanah. Tanah wakaf selama ini dibangunkan secara tradisional (Mohammad Tahir Sabit, 2008). Selain dari itu Majlis Agama Islam yang berperanan sebagai mutawalli tunggal dalam pengurusan wakaf di Malaysia selama ini tidak proaktif dan dilihat sebagai sebab mengapa harta wakaf dibiarkan tidak produktif (Muhammand Yusuf Salem, 2006). Alasan utama dikemukakan ialah kekurangan kakitangan dan dana. Selain daripada itu persoalan tanah wakaf yang tidak diuruskan dengan baik juga berpunca daripada pengkategoriannya yang tidak tersusun menyebabkan kurangnya tarikan pelaburan untuk pembangunan selain kekurangan di dalam sumber manusian untuk menguruskannya (Norhaliza Binti Mohd Nor dan Mustafa Omar Mohammed, 2009).

Abul Hassan dan Mr. Mohammad Abdus Shahid (2010) mengatakan kebanyakkan harta wakaf yang baik dan berpotensi tidak di jaga dan di uruskan dengan sempurna. Punca utama masalah ini ialah kekuragan sumber dana. Sumber dana perlu diwujudkan dalam usaha mengekalkan serta menambah baik pengurusan harta wakaf sedia ada dan akan datang (Abd Ghafar Ismail & Noraziah Che Arshad, 2009; Abdul Halim Ramli, 2005). Antara sumber dana yang boleh diwujudkan dalam membantu menyelesaikan perkara ini adalah wakaf tunai ataupun penerbitan sukuk musyarakah.

Habibollah Salarzahi, Hamed Armesh serta Davoud Nikbin (2010) menyatakan bahawa wakaf dilihat sebagai satu alat yang boleh digunakan dalam pengagihan kekayaan melalui usahawan di dalam sesebuah masyarakat. Namun apa yang menjadi permasaalahan disini ialah dari segi pengurusannya kerana ia memerlukan kemahiran perniagaan yang berterusan serta tingkat inovasi yang tinggi bagi membolehkannya bersaing dengan institusi lain dalam pasaran. Pembangunan sumber perlu dilakukan tetapi ia juga memerlukan dana.

Bagi mengatasi kekurangan dana, maka pihak pengurusan perlu merancang sesuatu projek yang dibiayai menggunakan dana wakaf tunai. Projek yang boleh dilaksanakan termasuklah projek yang menjana pendapatan supaya dapat mengurangkan kadar pengangguran di sesebuah kawasan tersebut (Kefa Chesire Chepkwony, 2008). Di Malaysia projek seperti ini sebenarnya telah mula dijalankan. Projek-projek pembangunan ekonomi yang dilaksanakan di Malaysia masa kini kebanyakkannya menggunakan harta wakaf yang diperolehi hasil pulangan daripada harta itu sendiri atau dari kumpulan wang dana saham wakaf (Asmak Ab Rahman, 2009). Sehubungan dengan ini, pembentukan dana wakaf yang sememangnya selari dengan keperluan sosio-ekonomi negara dijangkan dapat menjana keuntungan yang tinggi dan dalam

masa yang sama dapat meringankan bebanan kewangan yang ditanggung oleh MAIN dalam membiayai pembangunan harta wakaf (Siti Mashitoh Mahamood, 2008).

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan kajian lepas yang dinyatakan di atas ialah, kebanyakan kajian yang dibuat adalah berkaitan dengan sistem pengurusan yang kurang cekap dan kekurangan dana yang menyebabkan banyak daripada harta wakaf terbiar dan tidak aktif. Masalah kekurangan dana ini boleh diatasi dengan mewujudkan dana wakaf dari wakaf tunai. Namun demikian kewujudan dana wakaf tersebut sebenarnya masih tidak mencukupi. Peruntukan khas perlu diberikan agar peranan pembangunan tanah wakaf dapat dipertingkatkan dalam agenda pembangunan ekonomi negara.

POTENSI DAN PEMBANGUNAN TANAH WAKAF DI MALAYSIA

a) Keluasan Tanah Wakaf

Berdasarkan kepada maklumat tahun 2010, rekod menunjukkan bahawa diseluruh Malaysia terdapat harta wakaf yang dianggarkan bernilai RM111,413,889.85. Pembahagian mengikut jenis wakaf dapat dilihat dalam Jadual 1. Dari Jadual 1, dapat dilihat bahawa bilangan tanah wakaf am yang terdapat di Malaysia adalah sebanyak 996 unit tanah dengan keluasan 6925.17 hektar manakala tanah wakaf khas adalah lebih banyak lagi iaitu sebanyak 4744 unit dengan keluasan 9825.93 hektar. Jumlah keluasan tanah wakaf yang terdapat di seluruh negara ialah seluas 16751.10 hektar.

Agihan keluasan mengikut negeri dapat ditunjukkan didalam Jadual 2. Terengganu merupakan negeri yang mempunyai jumlah keluasan tanah wakaf yang paling besar iaitu 5817.54 hektar manakala Wilayah persekutuan Kuala Lumpur mempunyai jumlah keluasan tanah wakaf yang paling kecil iaitu 2.08 hektar.

Menurut pihak JAWHAR, angka yang di tunjuk ini bukanlah nilai keluasan sebenar tanah wakaf yang terdapat di dalam negara. Ini berikutan dengan isu dan masalah pendaftaran tanah wakaf yang tidak sistematik pada awalnya. Masih terdapat banyak lagi tanah wakaf yang belum didaftarkan di bawah MAIN disebabkan oleh kurangnya pengetahuan di kalangan masyarakat berkenaan dengan sistem pendaftaran yang baru sahaja diperkenalkan.

Sistem yang diguna pakai oleh masyarakat terdahulu seperti mengamanahkan tanah wakaf kepada ketua kampung mahupun imam masjid yang menyebabkan banyak tanah wakaf tidak di daftarkan. Masalah menjadi lebih parah sekiranya, orang yang mengamanahkan tanah wakaf itu meninggal dunia dan tidak memaklumkan kepada waris sebelumnya. Pada masa kini, pihak berwajib sedang berusaha keras bagi memastikan seluruh tanah wakaf yang terdapat di dalam negara di daftarkan dengan kadar yang segera bagi melancarkan segala urusan pembangunan.

Data diatas menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai tanah wakaf yang agak luas untuk dibangunkan. Jika dianggarkan bahawa terdapat 10% tanah wakaf yang tidak didaftarkan maka jumlah keluasan tanah wakaf adalah sekitar 20 ribu hektar. Jumlah ini merupakan satu jumlah yang amat berpotensi untuk memberi impak kepada pembangunan khususnya pembangunan ekonomi masyarakat Islam.

b) Pengurusan Pembangunan Profesional

Masalah utama untuk membangunkan tanah wakaf adalah kekurangan dana tunai. Bagi mengatasi masalah ini maka dana wakaf telah ditubuhkan bagi tujuan mengumpul dana untuk pembangunan tanah wakaf. Dana ini telah ditubuhkan dan memperolehi sumbernya daripada wakaf tunai. Secara prinsipnya kesemua hasil kutipan wakaf tunai akan dimasukkan ke dalam akaun yang dikenali sebagai *dana taslim* sebagai deposit. Wang tunai yang berada di dalam dana taslim ini merupakan satu bentuk harta yang kekal. Ini kerana wang yang terkumpul di dalam dana taslim ini akan di bahagikan kepada 2 bahagian iaitu pertama untuk di salurkan kepada mana-mana pelaburan yang menguntungkan dan kedua untuk membeli harta tak alih seperti tanah ataupun bangunan di mana di atas harta tersebut, pelbagai projek sosial dan projek ekonomi boleh di jalankan. Keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan dan projek-projek yang di jalankan akan di salurkan kedalam akaun 2 atau dengan nama lainnya *dana tawzi'.* Keuntungan inilah yang akan digunakan untuk membuat projek kemasyarakatan yang boleh digunakan oleh orang awam. Dana ini telah diurusakan secara profesional sebagaimana ditunjukkan didalam lampiran (Carta 1).

Namun demikian jumlah dana yang dijana didalam dana wakaf amat terhad dan masih tidak mencukupi. Namun demikian, kerajaan telah mula sedar akan kepentingan harta wakaf di dalam pembangunan ekonomi negara lantas menubuhkan beberapa institusi yang di rasakan dapat menguruskan harta wakaf ini dengan lebih cekap dan berkesan secara professional. Dengan itu lahirlah institusi seperti Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM).

Bagi menampung keperluan dana kerajaan telah memberi peruntukan yang sewajarnya ke dalam RMK-9 dan juga RMK-10 bagi tujuan pengurusan harta tersebut. Selain itu juga peruntukan turut di masukkan ke dalam bajet 2010 dan dengan peruntukan yang di beri oleh kerajaan, institusi wakaf giat menjalankan projek pembangunan bermula dari tahun 2008 dan ianya semakin rancak berkembang pada tahun seterusnya iaitu 2009 dan 2010.

c) Peruntukan dibawah Rancangan Malaysia (RKM)

i) RMK-9

Di dalam konteks pembangunan tanah wakaf ini, selain JAWHAR yang menjadi pemegang amanah dana program pembanguan harta wakaf RMK 9, tanggungjawab turut diberikan kepada MAIN yang juga merupakan pemegang amanah tunggal di peringkat negeri dan juga YWM yang berfungsi sebagai pelengkap pentadbiran tanah wakaf di Malaysia. Bagi membolehkan peruntukan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK 9) disalurkan untuk membiayai projek pembangunan di atas tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), ianya memerlukan dua ikatan perjanjian iaitu Perjanjian Pajakan Tanah serta Perjanjian Pembangunan Tanah. Menurut Abdul Fatah, Penolong Pengarah Jurutera di Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji (JAWHAR) perjanjian pajakan tanah di lakukan dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah bagi memudahkan penyaluran dana yang disediakan oleh kerajaan persekutuan di atas tujuan pembangunan tanah wakaf. Perjanjian pajakan ini berlaku hanya dalam tempoh pembangunan sahaja. Tempoh pajakan adalah sehingga aktiviti pembangunan dan pembinaan tersebut selesai. Setelah itu, tanah wakaf serta bangunan yang telah dibina itu akan dikembalikan semula kepada pemegang amanah tunggal harta wakaf iaitu MAIN.

PTP merupakan tuan punya berdaftar ke atas tanah-tanah milik Persekutuan dan sebagai Pegawai Pengawal kepada tanah-tanah rizab persekutuan. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) pula telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan tanah-tanah tersebut bersama dengan Kementerian serta Jabatan Persekutuan yang menggunakan tanah berkenaan. Permohonan pajakan akan dikemukan secara bertulis terus kepada JKPTG. Setiap permohonan yang diterima akan diproses mengikut Prosedur Memproses Permohonan Pajakan JKPTG.

Penyaluran dana daripada kerajaan persekutuan di bawah RMK9 akan berlaku apabila kerajaan persekutuan mendapatkan kepentingan tanah tersebut dengan memajak tanah tersebut menerusi PTP. Perjanjian pajakan tersebut akan menyebabkan tanah milik MAIN itu menjadi milik JAWHAR dalam tempoh pembangunan. Memandangkan JAWHAR merupakan badan kerajaan maka dana yang diperuntukkan untuk pembangunan tersebut dapat di salurkan dengan mudah. Perjanjian Pajakan terlaksana apabila PTP didaftarkan sebagai pemegang pajakan. JAWHAR yang bertindak sebagai satu badan yang melakukan pembangunan di atas tanah tersebut akan menandatangani perjanjian pembangunan tanah dengan pihak MAIN.

Di bawah RMK 9, siling yang diperuntukkan kepada JAWHAR adalah sebanyak RM 256.5 juta bagi melaksanakan 23 projek yang melibatkan 19 projek fizikal dan 4 projek bukan fizikal. Peruntukan yang disediakan kepada projek fizikal adalah sebanyak RM 244.0 juta manakala untuk projek bukan fizikal adalah sebanyak RM 12.5 juta. Jadual 3 menunjukkan agihan peruntukan program pembangunan RMK 9 untuk projek fizikal mengikut negeri. Peruntukan yang di beri adalah berdasarkan bilangan projek yang di jalankan serta jenis projek yang dirancang. Seperti yang dapat dilihat di dalam Jadual 3 diatas, Pulau Pinang telah di peruntukkan jumlah yang terbanyak iaitu RM 69.62 juta manakala Selangor dan Perlis pula mendapat peruntukan yang paling sedikit iaitu RM 4 juta setiap satu. Negeri Pulau Pinang mendapat peruntukan yang paling banyak di sebabkan oleh terdapat 3 buah projek yang bakal dilaksanakan iaitu Kompleks Pendidikan Al-Mashoor di Balik Pulau, kediaman kos sederhana rendah di Sungai Nibong dan juga unit kediaman kos sederhana rendah Kg. Makam di Georgetown. Sementara di Negeri Selangor dan juga Negeri Perlis, hanya terdapat satu sahaja projek yang dirancang iaitu projek Kompleks Wakaf di Seksyen 9 Hulu Langat Selangor serta projek rumah kedai di Mukim Utan Aji, Kangar Perlis.

Sehingga kini, dua projek telah Berjaya disiapkan pada tahun 2009 iaitu projek asrama anak yatim, Mukim Derga, Alor Setar, Kedah yang telah pun memulakan operasinya pada 9 disember 2009 dan juga penyediaan tapak untuk pembinaan Kompleks Wakaf di Seksyen 9, Kajang, Hulu Langat, Selangor (kerja tanah). Dua lagi projek fizikal juga baru disiapkan dalam tahun 2010 iaitu Projek asrama Anak Yatim, Bukit Machang pada 15 April 2010 dan Projek Ruang Niaga Tambun pada 21 April 2010. Projek yang selebihnya dijangka akan dapat disiapkan pada tahun hadapan iaitu tahun 2011. Baki daripada keseluruhan jumlah peruntukan program pembangunan RMK 9 iaitu sebanyak RM 12.5 juta pula di agihkan untuk perlaksanaan 4 projek bukan fizikal seperti Jadual 4.

Peruntukan RM 4.5 juta bagi projek entiti wakaf kebangsaan adalah merupakan geran pelancaran kerajaan kepada Yayasan Waqaf Malaysia (YWM). YWM pada masa ini telah melancarkan produk sulungnya iaitu Skim Wakaf Tunai Malaysia (SWTM). Sementara peruntukan RM 6 jutabagi projek penyususnan semula masyarakat di Kampung Makam Georgetown, Pulau Pinang adalah merupakan bayaran saguhati pemindahan penduduk di Kampung Makam yang terlibat dengan projek pembinaan kediaman kos sederhana rendah yang akan di buat di atas tapak yang sama.[3] Manakala peruntukan sebanyak RM 1.5 juta yang dikhaskan untuk program gerakan pemantapan Baitulmal kebangsaan pula telah berjalan dengan jaya dengan perasmian Konvensyen Baitulmal Kebangsaan pada tahun 2009 yang lalu. Sehubungan dengan ini, pembangunan sistem e-Wakaf telah dijalankan bertujuan untuk memudahkan lagi pengurusan dan pembangunan harta wakaf dengan cara atas talian memandangkan pada masa ini sistem teknologi maklumat sedang berkembang pesat.

ii) RMK-10

Kepesatan pembangunan harta wakaf yang dijalankan di bawah Program Pembangunan Hartanah Wakaf RMK 9 telah menunjukkan pertumbuhan yang positif dan memberansangkan setakat ini. Ia juga merupakan kejayaan hasil kerjasama pihak JAWHAR yang mewakili kerajaan pusat serta pihak MAIN yang mewakili kerajaan negeri dalam usaha untuk membangun dan memajukan tanah wakaf. Inisiatif ini merupakan yang julung-julung kalinya yang melibatkan peruntukan daripada kerajaan persekutuan dan peluang yang diberikan oleh kerajaan persekutuan ini tidak dipersiakan oleh mereka yang terlibat dalam pengurusan harta wakaf ini. berlandaskan prestasi perlaksanaan projek RMK 9 sebagai kayu pengukur dan sokongan kepada pihak JAWHAR untuk memohon sejumlah peruntukan di bawah RMK 10 pula.

Pada tahun 2009, pihak JAWHAR telah menyediakan satu plan rancangan permohonan peruntukan di bawah program RMK 10 yang melibatkan 68 projek fizikal serta 4 projek bukan fizikal yang berjumlah RM 1,896.75 juta. Jadual 5 menunjukkan peruntukan yang diperlukan oleh setiap negeri untuk membangunkan harta wakaf yang terdapat dalam setiap negeri tersebut. Baki RM 70 juta daripada jumlah peruntukan itu pula akan disalurkan kepada 4 buah projek yang berbentuk bukan fizikal. Peruntukan ini dibuat berdasarkan permohonan MAIN di setiap negeri yang ingin melaksanakan projek di atas tanah wakaf yang terdapat di negeri masing-masing yang dirasakan strategik dan berdaya maju.

iii) Peruntukan Bajet 2010

Di bawah peruntukan Bajet 2010, MAIN dan YWM akan bersama-sama membangun dan memajukan tanah wakaf di Malaysia. Perdana Menteri Malaysia pada pembentangan Bajet 2010 telah meluluskan peruntukan awal sebanyak RM 20 juta bagi program pembangunan harta wakaf melalui YWM. Selari dengan salah satu daripada objektif penubuhan YWM iaitu untuk mengurangkan jurang kemiskinan maka projek yang di sasarkan dibawah Bajet 2010 adalah bertujuan memanfaatkan masyarakat secara langsung daripada pembangunan yang dilaksanakan dengan pembinaan Wakaf Mart dan Bazar Rakyat MAIN. Pembinaan Wakaf Mart dan Bazar Rakyat ini dilihat dapat membuka banyak peluang pekerjaan kepada golongan yang menganggur dan yang berpendapatan rendah agar dapat meningkatkan taraf hidup mereka dengan berniaga.

Jadual 6 merupakan contoh senarai projek yang dijalankan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor di bawah program pembangunan Wakaf Mart dan Bazar Rakyat yang dilaksanakan oleh YWM. Jumlah keseluruhan projek yang bakal dilaksanakan dibawah peruntukan RM 20 juta ini adalah sebanyak 66 unit bazaar wakaf rakyat dan 3 unit Wakaf Mart. Wakaf mart berkonsepkan kedai runcit halal yang menyediakan pelbagai barangan keperluan harian dengan harga kompetitif dan stok dibekalkan oleh pengilang atau pembekal barang manakala bazaar wakaf rakyat pula merupakan ruang niaga yang menyediakan pelbagai jenis perniagaan untuk orang ramai dan di usahakan oleh ushawan muslim,

golongan fakir dan asnaf untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka. Di samping itu juga projek ini dilihat dapat membantu dalam meningkatkan pendapatan isi rumah dan sosio-ekonomi ummah.

Lokasi pembinaan wakaf mart dan bazaar wakaf rakyat ini adalah di dalam kawasan masjid yang terletak samada di bandar mahupun di luar bandar. Pemilihan lokasi adalah berdasarkan beberapa ciri-ciri yang telah digariskan. Antaranya ialah melihat kepada kadar penduduk di kawasan itu serta kadar kesesakan lalu lintas di kawasan terbabit. Apabila unit-unit perniagaan ini telah siap di bina, ianya akan disewakan kepada fakir miskin, asnaf dan juga penganggur bagi menjalankan perniagaan di situ. Hasil keuntungan perniagaan adalah milik penyewa dan hasil daripada sewaan unit akan diberikan kepada masjid untuk kegunaan pembangunan.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan meneliti bagaimanakah potensi dan peranan institusi wakaf dalam proses pembangunan negara. Jumlah tanah wakaf yang tersedia didapati amat luas dan amat berpotensi untuk dibangunkan. Memandangkan kerajaan telah menubuhkan jabatan yang khusus untuk menangani institusi wakaf iaitu JAWHAR dan JWM maka institusi wakaf akan dapat ditadbir secara professional bersesuaian dengan tuntutan semasa. Tambahan pula kini kerajaan telah menyediakan peruntukan khas dalam RMK khusus untuk pembangunan institusi wakaf maka institusi wakaf dijangka akan dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan dalam pembangunan ekonomi negara khususnya pembangunan ekonomi umat Islam dimasa hadapan. Langkah ini amat bertepatan dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi.

RUJUKAN

Abdul Ghafar Ismail & Noraziah Che Arshad. (2009). *Pengurusan Zakat Dan Wakaf Di Malaysia: Satu Langkah Ke Hadapan*. Jurnal Pengurusan JWZH (Vol 3, No 2)

Abdul Halim Ramli. (2005). *Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Cabaran Dan Masa Depan.* Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, Shah Alam Selangor.

Abul Hassan and Mohammad Abdus Shahid. (2010). *Management and Development of The Awqaf Assets*. Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology : Zakat and Waqf Economy.

Asmak Ab Rahman. (2009). *Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia*. Jurnal Syariah Jilid 17 Bil. 1

Azri b. Ahmad. (2008). *Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai Oleh Yayasan Waqaf Malaysia*. Jurnal Pengurusan JWZH (Vol 2, No 2)

Habibollah Salarzahi, Hamed Armesh, Davoud Nikbin. (2010). *Waqf as A Social Entrepreneuship Model in Islam*. International Journal of Bussiness and Management (Vol 5, No 7)

Hasnol Zam Zam Ahmad. (2007). *Cabaran Dalam Mempertingkatkan Potensi Pembangunan Tanah Wakaf.* Jurnal Pengurusan JWZH (Vol 1, No 1)

Kefa Chesire Chepkwony. (2008). Islamic Philantrophy *: The Case of Waqf In Poverty Alleviation and Social Economic Development*. Master In International Studies In Philanthropy And Social Entrepreneurships, Bologna University.

Mustafa Mohd Hanefiah *et.al.* (2009). *Finanacing Th Development Of Waqf Property : The Experience Of Malaysia And Singapore*. Fakulti Ekonomi Dan Muamalat, USIM.

Mohamad Akram Laldin, Mek Wok b. Mahmud & Mohd. Fuad Sawari. (2008). *Maqasid Syariah Dalam Perlaksanaan Wakaf*. Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol 2, No 2)

Mohd Afendi Mat Rani. (2010). *Mekanisme Istibdal Dalam Pembangunan Tanah Wakaf: Kajian Terhadap Isu Pengambilan Tanah Wakaf Oleh Pihak Berkuasa Negeri Di Malaysia.* Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol 4, No 1)

Mohd Ridzuan Awang. (2010). *Konsep Istibdal: Sejauhmana Amalannya Di Malaysia.* Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol 4, No 1)

Norhazimah Che Hassan. (2007). *Sistem Pengurusan Dana Secara Islam : Satu Penelitian*. Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol 2, No 1)

Rahman Alwi. (2006). Wakaf *Dengan Wang Tunai Dalam Perspektif Hadits*. Hokum Islam Vol. V, No 3.

Rohayu Abdul Ghani & Razali Othman. (2009). *Kuasa Barat Dan Implikasinya Terhadap Pengurusan Institusi Wakaf*. Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol 3, No 2)

Siti Masitoh Mahmood. (2008). *Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya Di Malaysia*. Jurnal Syariah Baru.

Wan Ariffin Wan Yon, Mohd Syahiran Abdul Latif & Hasan b. Bahrom. (2008). *Mekanisme Wakaf: Gagasan Awal Terhadap Pembangunan dan PembiayaanPusat Penyelidikan dan Perkembangan Islam Borneo*. Jurnal Pengurusan JAWHAR (Vol 2, No 2)

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri. (2008). *Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf.*

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri. (2006). *Manual Pengurusan Tanah Wakaf.*

JAWHAR. *Ujana Wakaf Siri 1 Bil. 1/2009 - Ujana Wakaf Siri 7 Bil. 1/2010*.

LAMPIRAN 1

Carta 1 : Aliran dana wakaf



Sumber : Yayasan Wakaf Malaysia

JADUAL 1: Jumlah dan keluasan tanah wakaf mengikut penjenisan

Jenis Wakaf	Bilangan	Luas (Hektar)	Nilai(RM)
Wakaf am	996	6925.17	22399983.01
Wakaf khas	4744	9825.93	89013906.84
JUMLAH	5740	16751.10	111413889.85

Sumber: Portal e-Bayanat JAWHAR

JADUAL 2: Senarai Tanah Wakaf Mengikut Negeri

Negeri	**Keluasan(Hektar)**		**Jumlah Keluasan**
	Wakaf am	**Wakaf khas**	
Johor	1422.80	1729.50	**3152.30**
Kedah	158.31	1082.39	**1240.70**
Kelantan	16.01	157.04	**173.06**
Melaka	11.65	21.60	**33.25**
N.Sembilan	1.01	14.49	**15.50**
Pahang	0	723.82	**723.82**
Perak	116.12	0	**116.12**
Perlis	2.74	14.49	**17.23**
Pulau Pinang	220.03	559.23	**779.26**
Sabah	4339.73	62.17	**4401.90**
Serawak	6.86	4.04	**10.90**
Selangor	235.63	31.82	**267.45**
Terengganu	393.79	5423.75	**5817.54**
WP Kuala Lumpur	0.49	1.59	**2.08**
Jumlah	**6925.17**	**9825.93**	**16751.10**

Sumber: Portal JAWHAR

JADUAL 3: Agihan dan Peruntukan Untuk Projek Fizikal RMK 9

Negeri	Bilangan Projek	Jumlah Peruntukan (RM Juta)
Selangor	1	4
Perlis	1	4
Pulau Pinang	3	69.62
Terengganu	2	43.5
Kelantan	2	21
Negeri Sembilan	2	20
Perak	2	19.6
Johor	2	18
Melaka	1	22.2
Kedah	2	12.08
Serawak	1	10
Jumlah	**19**	**244**

Sumber: JAWHAR

JADUAL 4: Peruntukan untuk projek bukan fizikal RMK 9

Nama Projek	**Peruntukan (RM Juta)**
Entiti Wakaf Kebangsaan (Sumbangan Modal)	4.5
Gerakan Pemantapan Baitulmal Kebangsaan	1.5
Pembangunan Sistem e-Wakaf dan Kajian Pewakafan	0.5
Penyusunan Semula Masyarakat di Kg Makam, Georgetown, Pulau Pinang	6.0
Jumlah	**12.5**

Sumber: Ujana Wakaf Siri 1 Bil 1/2009

JADUAL 5: Cadangan peruntukan RMK-10

Negeri	Jumlah Projek	Jumlah Peruntukan (RM Juta)
Kedah	7	98
Pulau Pinang	8	275.25
Perak	6	180
Kelantan	7	140.5
Terengganu	6	61
Pahang	1	20
Selangor	5	465
WP Kuala Lumpur	3	55
Negeri Sembilan	8	99
Melaka	5	88
Johor	5	90
Sarawak	3	105
Sabah	1	100
Perlis	3	50
Jumlah	**68**	**1826.75**

Sumber: Ujana Wakaf Siri 4, Bil 4/2009

JADUAL 6: Projek bazar rakyat WP dan Selangor

Kawasan	Jenis dan Unit Projek Bazar
WP Kuala Lumpur	• 4 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Saidina Hamzah, Kg. Batu Muda • 4 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Abd Rahman Bin Auf, Puchong • 4 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid An-Najihin, Bandar Tasek Permaisuri, Cheras • 4 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Imam Al-Ghazali, Manjalara, Kepong • Bazar Wakaf Rakyat (kios) di Masjid Putra, Putrajaya • Bazar Wakaf Rakyat (kios) di Masjid Negara • 4 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Al-Muttaqin, Wangsa Melawati
Selangor	• 5 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Jamek Daerah Hulu Langat, Kajang • 5 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi • 5 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Al-Raudhah, Pekan Tanjung Karang • 5 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid Al-Azim, Pandan Indah, Ampang • 4 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN di Masjid As-Solihin, Kg. Kanchong Darat, Banting

Sumber: Yayasan Waqaf Malaysia